

05/04/1999

Polis Kedah buat pengecaman suara kes ugutan

ALOR STAR, Ahad - Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah akan melakukan pengecaman suara beberapa orang yang dipercayai boleh membantu siasatan kes panggilan telefon seorang lelaki kepada bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dan mengugut untuk membunuh Perdana Menteri.

Pengecaman itu akan diuruskan kepada suara pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berikutan dakwaan lelaki terbabit bahawa dia adalah pegawai jabatan itu ketika membuat panggilan kepada Osman.

Siasatan polis yang berdasarkan kenyataan Osman mengesyaki lelaki itu berusia lewat 20-an hingga awal 30-an.

Setakat ini, Telekom Malaysia Bhd (Telekom) Kedah yang membantu mengenal pasti dari mana panggilan itu dibuat terpaksa mendapatkan kepakaran seorang pegawai dalam bidang berkenaan dari Kuala Lumpur.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kedah, Superintendan Abdul Rahim Jaafar, berkata siasatan kini ditumpukan kepada pegawai dan kakitangan JKM, terutama lelaki.

"Pemanggil itu mendakwa beliau pegawai JKM. Sama ada dakwaan itu benar atau palsu, siasatan akan diteruskan dengan meneliti suara pegawai dan kakitangan JKM.

"Dengan kepakaran pegawai Telekom yang dibawa dari Kuala Lumpur, polis yakin mampu mencapai kejayaan dalam siasatan," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Menurutnya, bantuan pegawai Telekom terbabit perlu kerana kesukaran mengesan panggilan telefon.

Polis menjalankan siasatan kes itu mengikut Seksyen 507 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara 11 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Osman yang juga wakil peribadi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi Parlimen Kubang Pasu menerima panggilan terbabit pada jam 12.50 pagi, di rumahnya di Lorong Menteri, di sini, 21 Mac lalu.

Panggilan itu diterimanya kira-kira enam jam sebelum Dr Mahathir tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, bagi memulakan program lawatan rasmi selama dua hari di negeri ini.

Menurut Osman, lelaki terbabit memperkenalkan dirinya sebagai pegawai JKM dan meminta beliau memberitahu Perdana Menteri supaya membatalkan lawatan kerja di Kedah.

Menurut Osman, pemanggil itu memberitahunya 'kita akan menembaknya jika Dr Mahathir datang'.

IPK Kedah sudah mengambil kenyataan daripada Osman, pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri serta Telekom bagi membantu polis mendapatkan pemula siasatan.

(END)